



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

### Malay Language Education Journal

## PENGGUNAAN BAHASA RANCU DALAM MEDIUM TWITTER OLEH GENERASI Z

(Mixed Language in Twitter Medium by Z Generation)

Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal<sup>1</sup>, Nurul Emelda Abdullah Safarizal<sup>2</sup> & Nur Farakhanna Mohd Rusli<sup>3</sup>

<sup>1, 2, 3</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.

Koresponden: Nur Farakhanna Mohd Rusli, [farakhanna@fbk.upsi.edu.my](mailto:farakhanna@fbk.upsi.edu.my)

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2022

Volume: 12

Bilangan: 01

Halaman: 19-28

Dihantar pada:

30 Mac 2022

Diterima pada:

30 April 2022

**Abstrak:** Makalah ini bertujuan mengenal pasti penggunaan bahasa rancu dalam kalangan generasi Z di medium Twitter dan membincangkan punca penggunaan bahasa rancu oleh generasi Z. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian dalam mengumpul data. Tujuh ciapan pengguna *Twitter* yang terdiri daripada ciapan oleh generasi Z dipilih sebagai instrumen kajian. Ketujuh-tujuh, ciapan tersebut dipilih secara rawak daripada medium *Twitter* terpilih, tiga daripadanya digunakan untuk melihat variasi penggunaan bahasa rancu oleh golongan tersebut, manakala empat lagi digunakan untuk menjelaskan punca penggunaan bahasa rancu dari aspek pandangan pengguna media sosial *Twitter* itu sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa generasi Z menggunakan bahasa rancu ketika memberikan komentar dalam ciapan di media sosial seperti percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, kata singkatan, kesalahan morfologi dan ejaan. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat segelintir pengguna media sosial yang peka terhadap penggunaan bahasa rancu dan menyatakan punca penggunaan tersebut berlaku disebabkan kurang pengetahuan tentang kosa kata bahasa Melayu, sikap mementingkan penguasaan bahasa Inggeris, sikap sambil lewa terhadap penggunaan bahasa Melayu dan pengaruh media sosial. Dari segi implikasi, kajian ini bertujuan menentang kepinginan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam kalangan pengguna media sosial bagi mengelak kekeliruan dalam berbahasa selain mengelakkan isu pencemaran bahasa daripada berterusan.

**Kata kunci:** Bahasa rancu, generasi Z, Twitter, pencemaran bahasa, percampuran bahasa

**Abstract:** This paper aims to identify the mixed language in Twitter medium by Z generation and explain the causes of mixed language by Z generation. This study is a qualitative survey study using library research and observational methods in collecting data. Seven Twitter user's tweets consisting of tweets by generation Z were selected as research instruments. All seven tweets were randomly selected from selected Twitter, three tweets are used to see variations of the mixed language, while four others were used to explain the causes of mixed language from the perspective of Twitter users themselves. The results of the study found that Z generation used mixed language when commenting tweets on social media such as mixing Malay language with English language, using abbreviations, morphological and spelling errors. The results also showed that there were a few social media users who were sensitive to the use of mixed language and stated that the cause of the use was due to lack of knowledge about Malay vocabulary, English language proficiency, careless attitude towards Malay language use and social media influence. In terms of implication, this study aims to highlight the importance of the correct use of the Malay language among social media users to avoid confusion in speaking as well as to prevent the issue of language pollution from continuing. The research implication of this study suggests that the comprehension on the use of compound sentences should be refined in essay writing to avoid continuous grammatical errors respectively in sentence construction.

**Keywords:** Mixed language, Z generation, Twitter, language pollution, language mixes

## PENGENALAN

Bahasa rancu merupakan suatu keadaan bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa rancu ialah bahasa yang melanggar peraturan sama ada dari segi ejaan, sebutan, peristilahan, perbendaharaan kata, tatabahasa, laras bahasa, kosa kata, tatabahasa dan laras bahasa. Bahasa rancu juga dikenali sebagai bahasa rojak, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dicelarkan dalam penulisan termasuklah di medium media sosial seperti *Twitter*. Menurut Kapita (2014), *Twitter* digunakan sebagai saluran hiburan, untuk berkomunikasi serta mempermudah urusan untuk tujuan pendidikan. Sungguhpun demikian, medium tersebut sangat terdedah kepada penggunaan bahasa rancu melalui ciapan yang diberikan oleh penggunaannya memandangkan majoriti pengguna medium tersebut terdiri daripada golongan remaja dan belia.

Dan Tapscott (2012) dalam bukunya *Grown Up Digital* mentakrifkan generasi Z sebagai generasi yang lahir pada tahun 1998 hingga 2009. Menurut Fariza (2018), golongan ini telah didedahkan dengan Internet sejak masih belum mula bercakap lagi. Tambahnya, generasi Z juga dikenali sebagai *iGeneration* atau generasi Internet, atau generasi net. Bagi Fatimah Wati Halim et al. (2018), generasi Z dibesarkan dalam persekitaran yang menggunakan teknologi digital seperti Internet, jaringan media sosial serta gajet elektronik yang meluas. Tambahnya, generasi Z lebih praktikal dan bijak akibat bentuk sosialisasi mereka yang sering berhubung dengan dunia maya.

Golongan ini hidup dalam zaman yang menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai medium utama untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat tanpa sempadan dan batas waktu. Boleh dikatakan hampir semua golongan generasi Z mempunyai gajet masing-masing terutama telefon bimbit untuk tujuan tersebut. Malah, Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada 2019 memaksa semua pengguna termasuklah golongan generasi Z memiliki peranti elektronik sendiri untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang disampaikan secara dalam talian. Keadaan ini telah memberikan kebebasan kepada generasi Z untuk menggunakan media sosial termasuk *Twitter* untuk berkomunikasi. Ketika berkomunikasi pula, mereka terdedah kepada penggunaan bahasa yang pelbagai, termasuklah penggunaan bahasa rancu.

Menurut Periasamy (2022), sikap segelintir pihak yang memperlekehkan bahasa kebangsaan telah membawa natijah buruk terhadap Bahasa Melayu. Tambah beliau, banyak kajian yang dilakukan sebelum ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu semakin merosot termasuklah dalam kalangan pelajar Melayu sendiri. Mereka beranggapan Bahasa Melayu bukanlah bahasa sains dan teknologi, maka oleh sebab itu kepentingannya tidak dititikberatkan. Malahan juga,

tanggapan Bahasa Melayu bukan bahasa ilmu seperti bahasa Inggeris juga telah menggugat keistimewaan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Jika tidak dibendung, dikhuatiri penguasaan dan pemahaman pengguna terutama dalam kalangan generasi Z terhadap sistem nahu Bahasa Melayu yang tepat akan terjejas. Banyak kesalahan berbahasa akan berlaku sama ada secara lisan dan tulisan akibat kekeliruan menggunakan kata, frasa, ayat bahkan ejaan yang betul kerana sudah biasa berkomunikasi dengan menggunakan ragam bahasa yang tidak tepat termasuklah bahasa rancu.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian Noor Aida et al (2014) menjelaskan bahawa media sosial seperti *Facebook* merupakan antara punca pencemaran bahasa berlaku dan terus berleluasa contohnya penggunaan bahasa rojak. Kajian yang mengkaji aliran pertuturan penggunaan bahasa rojak di laman *Facebook* ini menunjukkan bahawa fenomena percampuran Bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris amat ketara selain kesalahan tatabahasa yang tidak bertepatan dengan sistem nahu Bahasa Melayu. Umumnya, medium seperti *Facebook*, *Twitter*, *WhatsApp*, *WeChat* dan sebagainya merupakan medium utama yang digunakan pengguna termasuklah golongan generasi Z untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat dan meluahkan pandangan serta pendapat masing-masing. Namun, kebebasan bersuara ini telah mendorong kepada penggunaan bahasa yang bebas tanpa mengikut struktur nahu yang betul. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk melihat penggunaan bahasa rancu dalam medium *Twitter* pula bagi mengetengahkan kepada masyarakat tentang isu berbahasa yang semakin mengkusarkan yang difokuskan terhadap generasi Z.

Kajian Hidayah et al. (2019) juga berpendapat penggunaan bahasa rojak dikaitkan dengan media baharu yang semakin popular hingga menjadi saluran komunikasi penting termasuklah dalam kalangan pelajar. Merujuk kepada pernyataan ini, maka dapat dikaitkan bahawa aplikasi media sosial telah menjadi faktor pendorong utama terhadap masalah penggunaan Bahasa Melayu yang menyalahi sistem dan struktur nahu yang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna menjadikan media sosial sebagai medium perantaraan untuk berhubung dengan orang lain. Apabila berkomunikasi, bahasa yang digunakan dalam medium tersebut kebanyakan adalah bahasa campuran yang jelas menyalahi sistem kebahasaan yang betul dan tepat. Tambah Hidayah B et al. (2019), keadaan ini berlaku disebabkan segelintir pihak tidak peka penggunaan bahasa kebangsaan kini kian terhakis akibat penggunaan ragam bahasa yang tidak betul. Oleh itu, Hidayah et al. (2019) berpendapat usaha memartabatkan bahasa kebangsaan memerlukan

sokongan padu dan komitmen daripada masyarakat terutama pada era TMK masa kini.

Kajian Nur Farakhanna et al. (2022) menjelaskan bahawa kebebasan bersuara dalam media sosial telah mempengaruhi bentuk penggunaan bahasa yang salah seperti bahasa singkatan. Tambahnya, Malaysia memberikan kebebasan bersuara kepada rakyatnya sejajar dengan Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Namun, kebebasan bersuara ini digunakan secara tidak terkawal menyebabkan bahasa yang digunakan untuk meluahkan pendapat juga menjadi rancu. Media sosial sememangnya banyak membantu urusan komunikasi kerana sifatnya yang mudah, murah dan pantas. Namun, masalah kerancuan berbahasa yang digunakan dalam medium tersebut boleh menggugat kedudukan Bahasa Melayu sendiri apabila pengguna tidak menitikberatkan penggunaan bahasa yang betul. Kualiti bahasa dalam media sosial akan bercelaru dan pengguna akan mengalami kekeliruan dalam berbahasa kerana penggunaan bahasa yang tidak tepat telah menjadi amalan dalam komunikasi seharian.

Bagi Khairun Dzuria Azniza et al. (2020), faktor modenisasi bahasa merupakan penyebab utama penggunaan bahasa yang tidak gramatis seperti bahasa rojak, kemunculan perkataan-perkataan baharu, bahasa slanga dan bahasa singkatan semakin menular dalam kalangan generasi Z. Tambahnya, generasi Z dikenali sebagai *iGeneration*, iaitu generasi Internet. Menurut Khairun Dzuria Azniza et al. (2020), bahasa dalam media sosial seperti *WhatsApp* misalnya merupakan campuran daripada bahasa matriks dan bahasa sisipan. Bahasa Melayu merupakan bahasa matriks, manakala bahasa Inggeris dikenali sebagai bahasa sisipan kerana hanya disisipkan penggunaannya dalam berkomunikasi oleh penutur seperti thank you, group, cause dan sebagainya. Jelas bahawa, penggunaan kedua-dua bentuk bahasa tersebut akan menyebabkan percampuran kod daripada Bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris sekali gus menghasilkan bentuk bahasa yang tidak gramatis.

Nur Azlina dan Nurhasyinda (2017) dalam kajiannya jelas menyatakan bahawa fenomena seperti ini menyebabkan kualiti keaslian bahasa Melayu semakin merundum disebabkan penggunaan bahasa yang pelbagai oleh generasi Z. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetengahkan situasi penggunaan bahasa rancu yang difokuskan dalam medium *Twitter*, sekali gus menjelaskan kepentingan penggunaan bahasa yang betul bagi mengelak masalah berbahasa daripada berlanjutan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti penggunaan bahasa rancu dalam ciapan yang terdapat dalam aplikasi *Twitter*.

2. Menjelaskan punca penggunaan bahasa rancu dalam aplikasi *Twitter* berdasarkan pandangan pengguna *Twitter*.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini tidak melibatkan penggunaan data berbentuk numerikal sebaliknya menggunakan huraian secara deskriptif dalam menganalisis data. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber bertulis sama ada secara bercetak atau secara dalam talian seperti buku-buku akademik, artikel ilmiah, jurnal, disertasi dan sebagainya untuk mencari kelompangan, membina objektif sekaligus mengumpulkan data yang berkaitan dengan objektif kajian. Kaedah pemerhatian pula dilakukan dengan meneliti ciapan pengguna *Twitter* dengan memfokuskan penggunaan bahasa yang terdapat dalam aplikasi tersebut.

Bagi kajian ini, tujuh ciapan pengguna *Twitter* yang terdiri daripada ciapan oleh generasi Z dipilih sebagai instrumen kajian. Ketujuh-tujuh, ciapan tersebut dipilih secara rawak daripada medium *Twitter* terpilih, tiga daripadanya digunakan untuk melihat variasi penggunaan bahasa rancu oleh golongan tersebut, manakala empat lagi digunakan untuk menjelaskan punca penggunaan bahasa rancu dari aspek pandangan pengguna media sosial *Twitter* itu sendiri. Bagi tiga ciapan yang menunjukkan penggunaan bahasa rancu bertujuan menjawab objektif pertama, ketiga-tiga ciapan tersebut dipilih secara rawak dalam medium *Twitter* dan ciapan yang dipilih merupakan ciapan oleh generasi Z. Bagi memastikan ciapan tersebut ditulis oleh generasi Z, pengkaji mengenal pasti terlebih dahulu latar belakang penulis dengan meneliti maklumat peribadi daripada akaun penulis tersebut. Setelah mengidentifikasikan penulis dalam kelompok generasi Z, maka ciapan penulis akan dipilih dan dikemukakan dalam data untuk dianalisis.

Bagi melindungi maklumat peribadi penulis, imej atau gambar penulis ditutup untuk memenuhi salah satu etika penyelidikan, iaitu dari aspek kerahsiaan responden. Langkah yang sama digunakan dalam memilih empat ciapan bagi menjawab objektif kedua, iaitu faktor penggunaan bahasa rancu daripada pandangan pengguna media sosial *Twitter* itu sendiri. Bagi objektif kedua, ciapan pengguna yang menyatakan faktor penggunaan bahasa rancu yang dipilih dan pemilihan dilakukan secara rawak. Bagi objektif kedua ini juga, empat ciapan yang dipilih turut memperlihatkan penggunaan bahasa rancu, namun oleh sebab objektif bertujuan menjelaskan faktor penggunaan bahasa rancu, maka kesalahan bahasa yang digunakan oleh penulis tidak dianalisis, sebaliknya analisis berfokus kepada inti pati, kandungan atau mesej

yang disampaikan penulis. Ciapan yang dipilih kemudiannya akan dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan analisis bagi kedua-dua objektif yang dinyatakan sebelum ini, iaitu (i) mengenal pasti penggunaan bahasa rancu dalam ciapan yang terdapat dalam aplikasi *Twitter*, dan (ii) membincangkan punca penggunaan bahasa rancu dalam aplikasi *Twitter*. Perbincangan akan dilakukan satu persatu mengikut pembahagian objektif supaya analisis yang dibincangkan lebih mudah difahami.

#### Penggunaan Bahasa Rancu dalam Ciapan Aplikasi *Twitter*

Seerti yang dijelaskan sebelum ini, hanya tiga ciapan pengguna *Twitter* yang terdiri daripada ciapan oleh generasi Z akan dianalisis untuk melihat penggunaan bahasa rancu yang digunakan oleh golongan tersebut. Setiap ciapan akan dianalisis satu persatu bagi memudahkan pemahaman terhadap isu yang dibincangkan.

#### Ciapan 1



RAJAH 1: Tangkap Layar Ciapan Pertama (Sumber:

<https://twitter.com/imemerang/status/1485210410152521728>)


Pembetulan interpretasi:

*Awak, orang Melayu dahulu kulitnya gelap, awak. Jadi, saya juga berkulit gelap kerana saya seorang Melayu. Jika kamu kata berkulit hitam itu selekeh, itu bermakna kamu mengatakan bahawa nenek moyang kita juga selekeh. Kamu bangga dilahirkan sebagai seorang Melayu tetapi menghina kulit orang Melayu.*

Rajah 1 menunjukkan contoh penggunaan bahasa rancu dalam ciapan aplikasi *Twitter*. Pertama, pengguna menggunakan perkataan bahasa Inggeris mendominasi perkataan dalam Bahasa Melayu. Keadaan ini menunjukkan situasi percampuran kod antara bahasa matriks dan bahasa sisipan. Dalam konteks di atas, Bahasa Inggeris merupakan bahasa matriks atau bahasa utama, manakala Bahasa Melayu merupakan bahasa sisipan kerana penggunaannya adalah lebih sedikit berbanding Bahasa Inggeris dalam ciapan tersebut. Antara contoh penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa matriks dalam ciapan tersebut ialah: 'U, so, I, that, mean, proud, to, born, Malay dan skin'. Menurut Atika et al. (2021), faktor latar belakang pengguna bahasa menjadi punca penggunaan dua atau lebih bahasa dalam suatu proses komunikasi. Individu yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa lain selain bahasa ibunda cenderung mewujudkan situasi percampuran kod ketika berkomunikasi.

Kedua, bahasa rancu lain yang dapat dikenal pasti dalam Rajah 1 ialah penulisan kata singkatan seperti "sebab" ditulis sebagai *sbb* dan "cakap" ditulis sebagai *ckp*. Dari suatu aspek, kata singkatan digunakan untuk menyingkatkan dan menghehaskan penulisan sesuatu perkataan dan menjadikannya sebagai 'short-form' atau tulisan berbentuk ringkas. Menurut Tay Meng Guat (2011), 'short-form' atau singkatan merupakan bentuk penulisan yang terkenal dalam aplikasi 'short message services' (SMS) atau khidmat pesanan ringkas. Oleh sebab itu, bentuk ini kerap ditemukan dalam penulisan ciapan dalam media sosial termasuklah aplikasi *Twitter*.

#### Ciapan 2



RAJAH 2: Tangkap Layar Ciapan Kedua (Sumber:

<https://twitter.com/tattyhassan/status/1484526867898318849>)


Pembetulan interpretasi:

*Bahagian bawah badan saya terasa amat sakit sejak dua minggu yang lalu. Setiap kali saya bergerak, saya berasa seperti ada jarum mencucuk tulang belakang saya. Saya merasakan seperti saya perlu pergi melakukan ujian x-ray pada hari esok.*

Rajah 2 menunjukkan penggunaan bahasa rancu yang mempunyai percampuran kod atau *code-mixing*. Hal ini dikatakan demikian kerana Bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa matriks kerana penggunaannya lebih dominan berbanding Bahasa Melayu yang merupakan bahasa sisipan dalam ciapan tersebut. Antara perkataan Bahasa Inggeris yang digunakan ialah 'my, lower, back, hurts, so, bad, for, the, past, two, weeks, everytime, I, move, feel, like, there is, a needle, poking, lower, spine, think' dan 'x-ray'. Perkataan dalam bahasa Melayu yang digunakan pula hanya perkataan 'kena, pergi, lah' dan 'esok'.

Dalam ciapan ini juga, terdapat kependekan perkataan yang digunakan oleh pengguna contohnya perkataan "pergi" dipendekkan menjadi 'gi'. Menurut Nur Farakhanna et al. (2022), pemendekan kata berlaku akibat beberapa proses dan bagi perkataan 'gi', kependekan ini berlaku disebabkan pengguguran suku kata. Penggunaan kata singkatan sedemikian dianggap sebagai trend terkini dan individu yang tidak menggunakannya akan dianggap ketinggalan zaman dan tidak kreatif. Namun, penggunaan bentuk bahasa tersebut jelas bercanggah dengan sistem nahu Bahasa Melayu.

### Ciapan 3



RAJAH 3: Tangkap Layar Ciapan Ketiga

(Sumber:

<https://twitter.com/ketengahketepi/status/1486717918863716357>)

Pembetulan interpretasi:

*Saya mendiamkan diri kerana sedang gigih hendak memahami kelas bahasa Mandarin. Ia bukan salah guru tersebut tetapi diri saya sahaja yang lembab.*

Berdasarkan Rajah 3, terdapat tiga penggunaan bahasa rancu yang dikenal pasti daripada ciapan tersebut. Pertama, pengguguran kata nama sebagai subjek di awal ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana ciapan tersebut dimulakan dengan kata kerja "mendiamkan diri" yang jelas menunjukkan kesalahan dari aspek binaan ayat, iaitu ketiadaan subjek di awal ayat yang boleh diisi dengan kata nama seperti "Saya mendiamkan diri...". Dalam erti kata lain, ciapan dalam Rajah 3 dikatakan rancu kerana terdapat kesalahan sintaksis yang tidak lengkap dari segi binaan subjeknya.

Kedua, penggunaan Bahasa Inggeris yang dicampuradukkan dalam ayat seperti kata 'struggle, class, not, fault' dan 'I'. Selain Bahasa Inggeris, ciapan di atas turut menunjukkan penggunaan bahasa Mandarin, iaitu perkataan 'laoshi' yang bermaksud guru. Jelas bahawa, fenomena percampuran kod tidak terhad kepada penggunaan dua bahasa, malah boleh melebihi daripada jumlah tersebut bergantung kepada jumlah dan jenis bahasa yang dikuasai oleh penutur. Dalam erti kata lain, semakin banyak bahasa yang dikuasai oleh seseorang, maka semakin tinggi fenomena percampuran kod berlaku dalam komunikasinya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Anne dan Saidatul Nornis (2020) bahawa fenomena percampuran bahasa dianggap sebagai isu linguistik kerana menyebabkan kerancuan bahasa.


Akhir sekali, kesalahan ejaan bagi kata nama khas, iaitu perkataan *mandarin* yang perlu ditulis dengan huruf besar bagi huruf pertama, iaitu Mandarin. Perkara ini juga dikira sebagai kerancuan bahasa yang mampu menimbulkan kekeliruan kepada pembaca kerana output yang dihasilkan adalah tidak tepat dengan ejaan sebenar. Bagi Hashim dan Halimah (2012), penggunaan bahasa yang tidak mengikut hukum dari segi sintaksis, morfologi, fonologi, kosa kata dan istilah yang menyebabkan kekacauan dan ketidaktekalan dari segi pembentukan ayat, klausa, frasa, ejaan, sebutan, kosa kata dan istilah akan dianggap sebagai kerancuan bahasa.

### Analisis Punca Penggunaan Bahasa Rancu dalam Aplikasi Twitter Berdasarkan Pandangan Pengguna Twitter

Perbincangan pada bahagian ini menjelaskan tentang punca penggunaan bahasa rancu dalam aplikasi Twitter berdasarkan pandangan pengguna Twitter itu sendiri. Terdapat empat faktor yang telah dikenal pasti dan setiap faktor akan dibincangkan satu-persatu untuk memudahkan pemahaman terhadap isu yang dibincangkan.

## Kurang Pengetahuan tentang Kosakata Bahasa Melayu

### Ciapan 4



RAJAH 4: Tangkap Layar Ciapan Keempat  
(Sumber:

<https://twitter.com/IniAlalalannn/status/1485988676178169857>)

Penggunaan bahasa rancu dalam media sosial sukar dikawal dan dibendung kerana penutur bebas menyuarakan pendapat. Sungguhpun terdapat pengguna yang tidak mengambil berat terhadap penggunaan bahasa yang betul dalam penulisan di media sosial, namun masih terdapat segelintir pengguna yang peka terhadap masalah yang berlaku ini. Sebagai contoh, ciapan dalam rajah 4 merupakan ciapan daripada pengguna *Twitter*. Penulis berpendapat masalah penggunaan bahasa yang tidak tepat berlaku disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan tentang bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pengguna media sosial itu sendiri. Penulis menggunakan frasa "...kurang membaca dan dangkal pemikiran" untuk merujuk individu yang tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul kerana pada pandangan penulis, pengguna yang menggunakan bahasa rancu tidak peka dan tidak mempunyai ilmu terhadap bahasa Melayu seperti tidak tahu membina ayat yang gramatis dari segi struktur binaan subjek dan predikat, tidak tahu istilah Bahasa Melayu yang bersesuaian dalam menggantikan istilah dalam Bahasa Inggeris, malah tidak tahu cara mengeja suatu perkataan dengan betul.

Kajian Aman Shah et al. (2021) berpendapat amalan kurang membaca sememangnya akan menyebabkan masalah dalam menguasai perbendaharaan kata. Amalan kurang membaca akan menyebabkan penjaan idea dalam bentuk penulisan terganggu kerana pengguna tidak tahu cara mengeja suatu perkataan dengan betul, tidak pasti menggunakan

istilah-istilah yang tepat untuk menggantikan istilah dalam Bahasa Inggeris, dan sebagainya. Akibatnya, pengguna akan menulis mengikut pemahaman sendiri dan menyebabkan bahasa yang digunakan tidak tepat sekali gus menghasilkan bahasa rancu.

Amalan membaca juga perlu diberikan perhatian kerana bahan bacaan yang dirujuk perlulah bahan yang menggunakan bahasa dengan betul. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat sumber rujukan yang tidak menggunakan bahasa dengan tepat dan mengabaikan kegramatisan ayat, ketepatan makna bahkan ejaan. Sebagai contoh, penulisan tajuk artikel dalam akhbar sering mendatangkan kekeliruan dari segi makna bagi memenuhi tuntutan had perkataan. Akibatnya, bahasa yang digunakan tidak jelas dan jika perkara ini tidak dikawal, dibimbangi pengguna bahasa akan menganggapnya betul dan menggunakannya untuk tujuan komunikasi mereka.

### Sikap Mementingkan Penguasaan Bahasa Inggeris

### Ciapan 5



RAJAH 5: Tangkap Layar Ciapan Kelima  
(Sumber:


<https://twitter.com/nobisha/status/1317627052195917824>)

Terdapat juga pengguna *Twitter* yang menyatakan bahawa bahasa rancu yang digunakan masa kini berpunca daripada sikap segelintir ibu bapa yang mementingkan pendidikan dan penguasaan Bahasa Inggeris terhadap diri anak-anak mereka. Seperti yang dinyatakan dalam Rajah 5, penulis berpendapat pendidikan dan penguasaan bahasa ibunda dan bahasa kedua perlu diberikan penekanan yang sama. Berdasarkan Rajah 5, penulis menyatakan pengajaran bahasa ibunda dan bahasa kedua perlu selaras dan diajar satu persatu dalam sesuatu masa, bukan

dicampuradukkan penggunaannya pada masa yang sama. Hal ini dapat dilihat daripada ayat “*Buat ayat penuh dalam sesuatu bahasa, bukan campur-aduk*”. Ayat ini jelas menunjukkan terdapat pengguna media sosial yang peka dan mengambil berat terhadap penggunaan bahasa yang tepat dalam medium tersebut.

Isu pengajaran bahasa rojak yang perlu dibendung akibat penggunaan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris turut dinyatakan dalam pengguna *Twitter* lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Penulis menyarankan pengguna berhenti mengajar anak-anak mereka menggunakan bahasa rojak ketika bertutur melalui ayat “*Berhentilah ajar anak-anak bahasa rojak*”, sebaliknya menggunakan satu bahasa pada sesuatu masa kerana sistem kebahasaan setiap bahasa berbeza-beza antara satu sama lain.

Ciapan 6



RAJAH 6: Tangkap Layar Ciapan Keenam  
(Sumber:

<https://twitter.com/AfiqShari/status/1484736514802487299>)

Bagi Anne dan Saidatul Nornis (2020), Bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang dapat menonjolkan kemodenan seseorang memandangkan bahasa tersebut merupakan bahasa perantaraan global. Tambah Noor Aida et al. (2016), penggunaan Bahasa Inggeris dapat menunjukkan ketinggian status sosialnya atau sebagai gambaran bahawa beliau merupakan individu yang berpendidikan tinggi. Jika Bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya untuk suatu komunikasi, maka masalah kerancuan bahasa tidak akan berlaku.

Namun, masalah akan timbul jika Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dicampuradukkan pada suatu masa yang sama. Keadaan ini jelas akan menghasilkan komunikasi yang bercampur aduk sekali

gus menyebabkan kerancuan bahasa berlaku. Walaupun Bahasa Inggeris merupakan keperluan masa kini termasuklah dalam konteks pendidikan, namun pengguna perlu peka dan bijak menggunakan bahasa dengan tepat mengikut situasi yang bersesuaian selain menjaga martabat bahasa sama ada bahasa Melayu, bahkan Bahasa Inggeris daripad dicemari dengan ragam bahasa yang tidak tepat atau betul.

**Sikap Sambil Lewa terhadap Penggunaan Bahasa Melayu**

Ciapan 7



RAJAH 7: Tangkap Layar Ciapan Ketujuh  
(Sumber:

<https://twitter.com/senangsemak/status/1476883393065357312>)

Berdasarkan Rajah 7, terdapat pengguna media sosial *Twitter* yang berpendapat penggunaan bahasa rancu dipengaruhi oleh faktor keterbiasaan penggunaannya dalam komunikasi seharian melalui frasa “...*kita sedang membiasakan yang salah*”. Penutur sudah biasa menggunakan bahasa rojak dalam pertuturan, maka kebiasaan tersebut berterusan dan sukar dikawal ketika berkomunikasi sama ada secara lisan atau tulisan. Akibat keterbiasaan tersebut, maka ragam bahasa yang digunakan dianggap normal dan boleh diterima oleh orang lain, maka ragam bahasa tersebut terus digunakan untuk tujuan komunikasi. Beta Puspa Sari (2015) dalam kajiannya menggunakan istilah bahasa gaul dalam merujuk bahasa yang digunakan oleh golongan remaja di Indonesia. Bahasa gaul boleh disamaertikan dengan bahasa singkatan kerana ciri-ciri bahasanya yang singkat, cenderung mengalami pemendekan melalui proses morfologi seperti penghilangan fonem (memang-emang), pemendekan kata (bagaimana-gimana), dan penggantian diftong

(capai-cape). Bahasa gaul bersifat mudah dan menjadi pilihan dalam kalangan remaja untuk digunakan bagi tujuan komunikasi.

Namun, Beta Puspa Sari (2015) berpendapat penggunaan bahasa gaul telah menyebabkan bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Indonesia semakin dipinggirkan dalam kalangan penuturnya. Jelas bahawa masalah kerancuan bahasa bukan sahaja berlaku dalam Bahasa Melayu, bahkan bahasa-bahasa lain termasuklah Bahasa Indonesia. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana remaja masa kini terdedah kepada arus modenisasi, globalisasi dan TMK yang menggunakan pelbagai bahasa untuk tujuan komunikasi. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab remaja termasuklah generasi Z menggunakan ragam bahasa yang betul mengikut konteks dan tidak menerima sepenuhnya penggunaan bahasa yang tidak tepat yang digunakan dalam media sosial bagi mempertahankan Bahasa Melayu daripada dicemari oleh unsur bahasa asing, selain dapat mengelak kekeliruan berbahasa oleh pengguna itu sendiri.

### *Pengaruh Media Sosial*

#### *Ciapan 8*



RAJAH 8: Tangkap Layar Ciapan Kelapan  
(Sumber:

<https://twitter.com/laknatissrael/status/1463055101698854912>)

Berdasarkan Rajah 8, terdapat juga pengguna *Twitter* yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa rancu dipengaruhi oleh medium itu sendiri, iaitu melalui frasa “...influencer2 besar macam...suka guna bahasa rojak”. Seperti sedia maklum, ramai pengguna menggunakan media sosial untuk tujuan komunikasi, mempromosikan sesuatu produk dan sebagainya

termasuklah dalam kalangan selebriti terkenal yang mempunyai pengikutnya sendiri. Amalan penggunaan bahasa yang tidak tepat akan menjadi ikutan dalam kalangan pengikut jika golongan ini mengabaikan penggunaan bahasa yang bercelaru ketika berkomunikasi atau mempromosikan sesuatu produk di media sosial. Hal ini dijelaskan oleh Siti Noraien (2016) bahawa penggunaan ragam bahasa yang tidak tepat termasuklah bahasa tidak sopan yang dipaparkan kepada masyarakat dalam media sosial oleh artis akan menjadi ikutan remaja masa kini.

Nur Azlina dan Nurhasyinda (2017) dalam kajiannya juga menyokong bahawa media sosial menyumbang kepada punca penggunaan bahasa rancu masa kini. Tambahnya, lagu-lagu yang diputarkan di radio, drama dan filem yang ditayangkan di televisyen atau iklan sering menjadi ikutan generasi Z masa kini. Sebagai contoh, filem *Hantu Kak Limah* yang popular dengan frasa “*cer citer*” telah menjadi tular dan penggunaannya menjadi ikutan hingga masa kini. Nur Azlina dan Nurhasyinda (2017) berpendapat media sosial termasuklah *Twitter*, *Facebook*, *WhatsApp*, *WeChat* dan sebagainya yang digunakan remaja untuk berhubung antara satu sama lain telah mengembangkan lagi bahasa rancu seperti bahasa slanga dengan lebih mudah. Bagi Zaidi (2012), media baharu ini bersifat peribadi dan pengguna media itu sendiri yang menentukan penggunaan bahasa dan kualiti bahasa yang digunakannya.

Dalam erti kata lain, pengguna berkuasa menentukan bahasa yang digunakan. Jika mereka sendiri yang mengabaikan penggunaan bahasa yang betul, maka masalah kerancuan bahasa akan terus berlaku sekali gus menimbulkan masalah terhadap penguasaan Bahasa Melayu, bahkan menjejaskan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

### **KESIMPULAN**

Tuntasnya, penggunaan bahasa rancu digunakan secara meluas dalam media sosial termasuklah dalam medium *Twitter* oleh generasi Z. Kerancuan bahasa yang digunakan mendatangkan kesan yang negatif dari segi pelbagai aspek antaranya dari aspek penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur dan masalah dari segi pencemaran Bahasa Melayu itu sendiri. Perbincangan juga menunjukkan terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa rancu dalam media sosial seperti sikap sambil lewa, pengaruh media sosial itu sendiri dan sebagainya.

Pengguna media sosial perlu memainkan peranan masing-masing dalam menentukan penggunaan bahasa yang sewajarnya walaupun dalam konteks media sosial kerana bahasa yang baik dapat mencerminkan citra dan imej penulisnya. Sungguhpun demikian, tidak semua pengguna media sosial mengendahkan penggunaan bahasa yang betul dan tepat dalam medium tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis



menunjukkan terdapat segelintir pengguna media sosial sendiri yang peka dan menyatakan kerisauan terhadap bahasa rancu yang digunakan oleh pengguna media sosial yang lain. Masih terdapat anggota masyarakat dalam kalangan pengguna media sosial yang masih menitikberatkan kepentingan berbahasa dengan baik bagi memelihara martabat Bahasa Melayu daripada dicemari oleh bahasa rancu.

Oleh yang demikian, anggota masyarakat yang lain juga perlu memainkan peranan dalam menghadapi isu ini dengan sewajarnya dengan tidak mengesampingkan kepentingan penggunaan Bahasa Melayu yang betul bagi mengelak kekeliruan ketika berbahasa dan mempertahankan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Usaha-usaha pemertabatan Bahasa Melayu itu sendiri telah banyak dan giat dijalankan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dan sebagainya. Oleh itu, semua pihak termasuklah pengguna media sosial harus menyokong usaha ini agar semua pengguna bahasa dapat menguasai dan mempraktikkan Bahasa Melayu dengan baik mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian.

## RUJUKAN

- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal*, 4 (3), 26-36.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Normis Mahali. (2020). Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31 (2), 97-132.
- Atika Hassan, Duli Kamit & Evelyn Bangkang Jawi. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (1), 40-56.
- Beta Puspa Sari. (2015). Dampak penggunaan bahasa gaul di kalangan remaja terhadap bahasa Indonesia. *Prosiding Seminar Nasional Bulan Bahasa UNIB 2015*, hlm. 171-176. Indonesia,
- Tapscott, Don. (2012). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. London: The McGrawHill-Ascent Audio.
- Fariza Md. Sham. (2018). Generasi Z dan isu perpaduan. *Proceedings International Colloquium on Integration Platform: Binding Differences and Diversity 2018*, hlm. 14-19. Institute of Ethnic Studies (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatima Wati Halim, Aizan Sofia Amin, Rozainee Khairudin, Norhayati Ibrahim, Fariza Md Sham & Zuliana Zuki. (2018). Identiti generasi Z dari perspektif personaliti, motivasi pencapaian dan kesukarelawan: Impaknya terhadap kesediaan ke tempat kerja. *Proceedings International Colloquium on Integration Platform: Binding Differences and Diversity 2018*, hlm. 25-45. Institute of Ethnic Studies (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. (2012). *Isu Sosiolinguistik di Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Abdul Manaf, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakon, Abdul Jalil Ramli, Zuraidi Ahmad Mokhdzar, Jamsari Jamaluddin, Maskor Bajuri & Mohd Erpi Mohd Ali. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharuterhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (15), 141-153.
- Khairun Dzuria Azniza Mat Yazid, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Nordiana Hamzah, Farra Humairah Mohd, Hasrina Baharum & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi *whatsapp*: Analisis teori relevans. *Prosiding Seminar Antarabangsa Komunikasi dan Budaya 2020*, hl. 127-132. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Prosiding Seminar Ketahanan Nasional 2014*, hlm. 1-20. 23 Disember 2014, Premiera Hotel, Kuala Lumpur.
- Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor & Faizah Ahmad. (2016). HaHaHa...Cool Gila Kau Punya Acting Ariana: Percampuran Kod dalam Novel *The Wedding Breaker*. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 192-200.
- Nur Azlina Jalaluddin & Nurhasyinda Shahidan. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan gen Z. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali ke-2*, hlm. 1-14. 26-27 April 2017, Kolej Universiti Sains Islam.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Lokman Hakim Abdullah & Azizah Ligaspi. (2022). Kata singkatan menjejaskan kewibawaan bahasa Melayu. *Majalah Dewan Bahasa*, 15 April. Dicapai daripada <https://dewanbahasa.jendeladbpm.my/2022/03/31/memperkasakan-bahasa-melayu-tanggungjawab-kita-bersama/>
- Periasamy Muthan. (2022). Memperkasakan bahasa Melayu tanggungjawab kita bersama. *Majalah Dewan Bahasa*, 31 Mac. Dicapai daripada <https://dewanbahasa.jendeladbpm.my/2022/03/31/memperkasakan-bahasa-melayu-tanggungjawab-kita-bersama/>

- Siti Noraien Razali. (2016). Kesantunan berbahasa dalam buku Pemimpin dalam Ungkapan Melayu karya Tenas Effendy. Disertasi Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Tay Meng Guat. (2011). Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa sms dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1-26.
- Zaidi Ismail. (2012). Bahasa Melayu dalam media baharu: Sejauh manakah diutamakan? *Dewan Bahasa, Jun 2012*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.